

## Pendekatan Pendidikan Holistik: Mengembalikan Visi Pendidikan Berteraskan Kepercayaan dan Keyakinan Kepada Tuhan Melalui Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bidang Teknikal dan Kejuruteraan

Rohana Hamzah<sup>a\*</sup>, Khairunnisa Azahari<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Department of Technical and Engineering Education, Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: anahaiqal@yahoo.com

### Article history

Received: 7 September 2011

Received in revised form: 7 January 2012

Accepted: 7 March 2012

### Abstract

Education is an effort to develop human potentials holistically. Therefore, education approach used in education process should be able to support this effort to develop holistic human being. Holistic approach is an alternative education approach in education. All this while, educator well exposed to education approach theory developed by Western scholar such as behaviorism, cognitive and constructive. These theories have been developed to address certain human potential but not spiritual potential. Therefore, holistic approach in education used to integrate spiritual knowledge (to address spiritual and emotion potential development) and intellectual knowledge (to address cognitive and psychomotor domain) based on one vision which is "to develop faith and devotion to God. In other words, the intellectual knowledge has become complementary to the spiritual knowledge to proof the greatness of Creator and to strengthen students' belief in God existence. Therefore, the purpose of this study is to determine students' perception towards the use of holistic approach in education by technical and engineering lecturer. There are 133 final year students involved in this study. Quantitative research design has been used and a set of questionnaire has been developed. The reliability value for the questionnaire items was  $\alpha=0.96$ . The finding indicates that the used of holistic approach in education by the lecturer is at moderate level. Therefore, there is a need to enhance the technical and engineering lecturer's understanding and skill to use holistic approach in teaching and learning activities.

**Keywords:** Holistic; education approach; knowledge; integration

### Abstrak

Pendidikan merupakan satu usaha untuk membangunkan potensi manusia secara menyeluruh. Oleh itu pendekatan pendidikan juga seharusnya mampu menyokong usaha membangunkan manusia secara holistik. Pendekatan pendidikan holistik adalah salah satu alternatif yang perlu dipertimbangkan bagi menyokong usaha murni tersebut selain daripada teori pendidikan barat yang sering kali khusus kepada pembangunkan potensi tertentu seperti teori tingkah-laku, teori kognitif dan konstruktif. Perbezaan pendekatan pendidikan holistik tertumpu kepada proses pembangunan ilmu itu sendiri. Manusia dididik dengan cara mengintegrasikan ilmu wahyu dan pembangunan ilmu intelektual diatas satu visi yang sama iaitu membangunkan kepercayaan dan keyakinan hidup kepada Tuhan. Dengan lain perkataan, ilmu intelektual menjadi pelengkap kepada ilmu spiritual dengan membuktikan kebesaran Tuhan dan mengukuhkan keyakinan pelajar kepada kewujudan Tuhan. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi 133 orang pelajar tahun akhir terhadap tahap integrasi ilmu wahyu iaitu elemen kepercayaan kepada Tuhan melalui pengajaran dan pembelajaran ilmu teknikal di kalangan pensyarah. Rekabentuk kajian deskriptif dengan menggunakan satu set soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data primier. Nilai kebolehpercayaan item soal selidik adalah  $\alpha=0.96$ . Hasil dapatan kajian menunjukkan penerapan elemen kepercayaan kepada Tuhan di kalangan pensyarah teknikal berada pada tahap sederhana. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pensyarah diberi pendedahan agar mereka dapat mengukuhkan kefahaman dan kapakanan mereka untuk menggunakan pendekatan holistik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

**Kata kunci:** Holistic; pendekatan pendidikan; ilmu, integrasi.;

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

## ■1.0 PENGENALAN

Sistem pendidikan kebangsaan kini menghadapi cabaran kesan globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membangunkan empat teras sistem pendidikan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu akses kepada pendidikan, ekuiti dalam pendidikan, kualiti dalam pendidikan dan kecekapan dan keberkesanannya pengurusan pendidikan. Walaubagaimanapun, dasar perlaksanaan pembangunan pendidikan negara masih berpaksi kepada Falsafah Pendidikan Negara iaitu untuk memperkembangkan potensi individu secara holistik, menyeluruh dan seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual berteraskan kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan.

Namun kekeliruan memahami konsep pendidikan holistik menyebabkan cangkupan implimentasinya sering menjadi luas, merangkumi kurikulum dan aktiviti ko-kurikulum pelajar. Menurut Mohd. Johari Ab. Hamid (2007) isu pokok dalam pendidikan pada hari ini bukanlah dari segi kurikulum tetapi lebih kepada proses implimentasi kurikulum itu sendiri. Oleh yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran menjadi isu utama yang perlu diperhatikan dalam usaha membangunkan manusia secara holistik.

Pendekatan yang holistik dalam pendidikan bermaksud menyepaduan di antara ilmu wahyu sebagai asas pembangunan spiritual dengan pembangunan ilmu intelektual iaitu ilmu fizik, kimia, biologi, geografi dan berbagai bidang ilmu yang berkaitan dengan bidang kerjaya pada hari ini. Pendekatan pula mempunyai dua tujuan asas. Tujuan yang pertama ialah membawa pembangunan spiritual pelajar melalui pengajian ilmu intelektual menyedari dan menyaksikan pembuktian dan seterusnya mengakui kewujudan Allah SWT sebagai Pencipta yang memiliki kekuasaan yang infinitif dan hanya Dia yang layak di sembah. Manakala tujuan kedua ialah mendidik dan melatih pembangunan akhlak pelajar berdasarkan tanggungjawab kehidupannya di dunia ini sebagai khalifah (Rohana Hamzah, 2010). Sekiranya dianalisis kembali Falsafah Pendidikan Negara (FPN), dengan jelas dinyatakan proses pembangunan potensi manusia secara menyeluruh perlulah disepadukan dengan proses pembangunan kepercayaan dan keyakinan manusia kepada Tuhan. Dalam erti kata lain apa yang digariskan oleh FPN selari dengan maksud pendekatan pendidikan holistik. Oleh itu pembangunan asas kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan perlu dijadikan visi proses pendidikan yang menyatukan berbagai aliran pendidikan sama ada, pendidikan sains natural, kejuruteraan, teknikal dan vokasional, sains sosial dan kemasyarakatan.

Sehubungan itu, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia menyenaraikan lima objektif bagi program-program pengajaran yang ditawarkan. Salah satu objektif tersebut ialah penekanan kepada kepentingan pembangunan potensi spiritual di kalangan pelajar iaitu ‘untuk menghasilkan graduan atau pendidik holistik yang mampu membangunkan diri serta berupaya menerapkan aspek jasmani, emosi, rohani, intelek kepada bakal pelajar’. Dalam erti kata lain melahirkan bakal guru holistik yang mampu melahirkan pelajar holistik (dicapai pada 2 Ogos 2009 daripada [www.fp.utm.my/academic/Spesifikasi/spj.htm](http://www.fp.utm.my/academic/Spesifikasi/spj.htm)).

## ■2.0 PERNYATAAN MASALAH

Ghazali (1986) menyatakan ramai para pengkaji holistik bersepakat bahawa pengajaran yang mengaitkan antara ilmu wahyu dengan ilmu dari kecerdasan akal dapat membentuk manusia yang lebih baik, cekal, bijak dan rapat dengan Penciptanya iaitu Allah S.W.T. Pada asasnya maksud pendidikan

itu sendiri ialah satu proses perubahan sikap dan tingkah laku manusia (Yahya Jusoh dan Azhar Muhammad, 2007). Pendidikan bukan sekadar bermaksud proses memasukkan ilmu atau memindahkan ilmu ke minda manusia malah ia merupakan satu proses yang mempunyai makna lebih mendalam. Pendidikan bertujuan mendidik manusia agar mampu memperkembangkan potensi diri, menerokai dan menyintai kebenaran serta mampu berfikir dan bertindak secara adil dan bijaksana.

Namun proses melahirkan manusia berakhhlak dan berilmu tidak akan tercapai tanpa melahirkan manusia yang memiliki kepercayaan hidup bertuhan. Oleh itu pendekatan pendidikan holistik akan membawa mereka menyedari kesaksian akan kewujudan Tuhan melalui proses pembelajaran dan penerokaan ilmu pengetahuan selain menyedari tujuan hidup dan tanggungjawab mereka sebagai khalifah (Hasan Langgulung, 2003; Rohana, 2009a). Malangnya proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini lebih dipengaruhi oleh pendekatan sekular dan teori-teori pendidikan barat seperti teori tingkah laku, kognitif dan humanism yang pada dasarnya memisahkan proses perkembangan ilmu intelektual dengan kepercayaan hidup beragama iaitu kepercayaan adanya Tuhan. Proses pengasingan antara perkembangan ilmu intelek dengan kepercayaan kepada kewujudan Tuhan inilah yang dikenali sebagai sekularisasi (Ghazali, 1986).

Sekularisasi terbahagi kepada dua bentuk iaitu penolakan secara total terhadap pendidikan agama dan yang kedua meletakkan garis pemisahan antara agama dengan bukan agama (Ghazali, 1986). Fahaman sekular yang memisahkan antara kedua cabang ilmu ini bermula dari pengaruh Renaissance di Eropah. Menurut Ghazali (1986), pertumbuhan pemisahan antara agama dan bidang intelek semakin rancak dengan fahaman ilmu akal Galeleo, fahaman dua-bentuk kebenaran, Dualisme Locke dan Atomisme Dewey. Akibatnya, Malaysia turut terbelenggu dengan sistem pendidikan manifestasi gabungan konsep Dualism Locke dan Atomism Dewey (Musa Nantrak, 1987).

Menurut Love dan Talbot (1999), pengasingan kedua ilmu ini akan menghasilkan manusia yang malas berfikir. Walaupun dalam sistem pendidikan di Malaysia menekankan penerapan kemahiran berfikir secara bersepadan dengan ilmu-ilmu intelektual namun penyebatan elemen kerohanian melalui pembangunan dan perkembangan ilmu intelektual masih lemah. Sedangkan galakan kemahiran berfikir melalui pemerhatian kepada ciptaan Tuhan seperti mana yang ditekankan di dalam Al-Quran adalah bertujuan melahirkan keyakinan dan kepercayaan manusia kepada kehebatan dan kewujudan Tuhan pencipta sekalian alam (Zawawi, 1988; Shaikh Abdul Mabud, 2001). Dalam proses pendidikan manusia perlu digalakkan berfikir dan mengkaji tentang kejadian diri mereka sendiri dan seluruh kejadian alam yang merupakan karangan tulisan ciptaan Allah agar manusia yang dididik dapat mengenal tanda-tanda Allah S.W.T. dan mengakui kewujudanNya (Hasan Langgulung, 1983).

Pemisahan ilmu inilah kejayaan fahaman sekular yang didokongi oleh masyarakat barat sehingga menyebabkan pemikiran masyarakat Malaysia terjajah dan lebih suka menjadi pengikut dari penjajah pengasas atau pemimpin perubahan. Untuk melepaskan diri dan anak bangsa dari kongkongan ini, menjadi tugas pendidik untuk menyadarkan kembali perkembangan ilmu intelektual dengan ilmu agama (Rohana, 2009b). Kepentingan penggabungan kembali kedua ilmu ini juga disedari oleh pengkaji barat. Love dan Talbot (1999), menyatakan bidang kerohanian dan pembangunan spiritual amat jarang diperkatakan di dalam pengajaran tinggi mahupun dalam penulisan kajian pelajar. Kepentingan pembangunan spiritual dapat dilihat dari Misi Nasional, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dan misi Universiti Teknologi Malaysia yang mengimpikan warganegara yang seimbang antara fizikal dan rohani. Namun begitu, sekiranya

bidang pendidikan gagal untuk membuat penyatuan perkembangan ilmu intelektual dengan pembangunan spiritual, ia mungkin menyumbang kepada halangan terhadap pengukuhan kepercayaan terhadap agama, ketidakupayaan untuk berfikir secara kritis, tidak sensitif dengan isu yang berkaitan dengan nilai dan etika dan tidak mahu bertanya (Love dan Talbot, 1999).

Menurut Hasan Langgulung (2003), kesan daripada pendidikan yang menggabungkan pembangunan kerohanian yang selari dengan fitrah manusia iaitu mengakui kewujudan Allah melalui ilmu intelektual akan menghasilkan manusia yang berakhhlak baik, adil, tabah dan dekat dengan Allah S.W.T. iaitu Penciptanya. Beliau juga menambah, kelemahan sesebuah organisasi atau negara adalah bermula dari kelemahan akhlak manusia. Para pelajar adalah manusia yang bakal menjadi pekerja di pelbagai sektor pada masa akan datang. Maka, pendidikan yang berjaya melahirkan pelajar berakhhlak dan bertanggungjawab adalah kunci kejayaan dan kekuatan negara pada masa hadapan yang turut dinyatakan di dalam sebuah hadis dari Ibnu 'Amru r.a yang meriwayatkan sabda Rasullullah s.a.w:

“Sebaik-baik manusia itu ialah mereka yang paling baik akhlaknya”

(Abdul Ghani, 2002: 408)

Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap integrasi pembangunan spiritual iaitu kepercayaan kepada Tuhan melalui proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pensyarah di sebuah IPTA.

### ■3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penerapan kepercayaan kepada Tuhan oleh pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu teknikal dan kejuruteraan.

#### 3.1 Mengembalikan Visi Pendidikan Berteraskan Kepercayaan Kepada Tuhan Memalui Perkembangan Ilmu Intelektual

Salah satu tanggungjawab manusia terhadap agama adalah percaya adanya Allah S.W.T. sebagai Pencipta (Hasan Langgulung, 2003). Menurut Mohammad Ali Shomali (2000), pelajar perlu faham kejadiannya adalah satu ciptaan yang mempunyai tujuan tertentu. Allah S.W.T. tidak menciptakan sesuatu makhluk di muka bumi ini dengan tujuan yang sia-sia sama ada ia makhluk yang hidup ataupun bukan hidup.

Secara amnya sesuatu program pendidikan dibentuk dengan tujuan mempersiapkan individu untuk menceburi bidang kerjaya tertentu. Walaubagaimanapun, menurut Abdul Rahman (2003), usaha pendidikan untuk melahirkan sumber manusia untuk memenuhi bidang kerjaya tertentu tidak akan sempurna tanpa penerapan untuk melahirkan manusia yang memiliki kesedaran untuk bertanggungjawab sebagai pemimpin perubahan kepada diri, masyarakat dan negara. Tanggungjawab sebagai pemimpin perubahan atau khalifah adalah merupakan sebab utama manusia diciptakan di muka bumi ini dan tanggungjawab ini merupakan kerjaya sebenar atau kerjaya universal manusia. Proses pendidikan yang bertujuan membangunkan kesedaran dan amalan kehidupan sebagai khalifah (pimpinan perubahan) berteraskan kepercayaan kepada Tuhan adalah misi dan visi kehidupan yang sangat penting dalam mempersiapkan generasi akan datan ke alam kerjaya.

Seluruh ciptaan Tuhan dan kehidupan makhluk tertakluk kepada hukum alam yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Setiap manusia perlu percaya bahawa melanggar hukum yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. akan membawa kepada kemudaratian, kerosakan dan ketidakseimbangan hidup manusia di dunia dan di akhirat (Abdul Rahman, 2003). Beliau juga menyatakan bahawa tanggungjawab moral dan sosial tidak sempurna jika pendidikan gagal melahirkan manusia yang memiliki cara hidup orang beragama iaitu menyintai kebenaran dan menolak kemungkaran. Namun nilai ini hanya boleh disemai sekiranya nilai utama iaitu kepercayaan dan keyakinan kepada kewujudan Tuhan yang Esa dapat disemai didalam jiwa setiap insan dengan mantap.

Institusi pengajian merupakan salah satu median manusia menuntut ilmu. Seharusnya, institusi pengajian menghasilkan manusia yang intelek dan mempunyai kepercayaan dan keyakinan tentang kuasa infinitif adalah milik Allah S.W.T. semata (Syed Ali Ashraf, 1997). Manusia yang mempunyai kepercayaan kuat terhadap prinsip ketuhanan yang tepat akan kurang merasa tekanan hidup kerana mempunyai tempat bergantung dan bertawakkal kepada Allah S.W.T., iaitu pemilik segala kuasa kehebatan yang infinitif (Abd Rahman, 2005).

Manusia yang percaya kepada Tuhan akan berasa takut, rendah diri, ikhlas dan jujur kepada Penciptanya (Hasan Langgulung, 1986; Abd Rahman, 2005). Hasan Langgulung (1986), berpendapat proses pengajaran dan pembelajaran menuntut pendidik untuk menerapkan elemen ini yang merupakan ibadah dan tanggungjawab yang perlu digalas dengan sebaiknya. Pendekatan pendidikan dengan mengintegrasikan elemen kepercayaan kepada Tuhan dan misi kehidupan sebagai khalifah iaitu pimpinan perubahan akan mampu menggilap potensi dalaman atau spiritual manusia dan seterusnya menjadi teras yang kukuh kepada pembangunan akhlak dan amalan kehidupan. Inilah asas bagi melahirkan sumber manusia berkualiti tinggi apabila mereka menceburi bidang kerjaya kelak.

### ■4.0 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan persepsi 133 pelajar tahun akhir di salah sebuah IPTA terhadap pendekatan holistik iaitu integrasi proses pembangunan spiritual melalui ilmu intelek (teknikal dan kejuruteraan). Ia meliputi aspek menekankan kepercayaan kepada Tuhan yang diterapkan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah. Rekabentuk kajian ini ialah kajian tinjauan kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian.

Instrumen kajian telah dibina mendapat pengesahan daripada dua orang pakar dari Fakulti Tamadun Islam dan Fakulti Pendidikan. Nilai kebolehpercayaan *Alpha-Cronbach* adalah 0.96. Data di analisis menggunakan SPSS versi 16.0. Sebagai asas rujukan untuk mengukur tahap penerapan elemen kepercayaan kepada Tuhan berdasarkan skala likert lima mata telah diringkaskan kepada tiga mata iaitu tahap tinggi, sederhana dan rendah seperti di dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Skala rujukan untuk mengukur tahap

Skala	Tahap
3.68 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.67	Sederhana
1.00 - 2.33	Rendah

(Rohana Hamzah, 2009)

## ■5.0 DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah dapatan kajian bagi item-item yang dibina untuk mengukur penerapan elemen kepercayaan kepada Tuhan oleh pensyarah melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

Hasil keseluruhan analisis soalan kajian ini mendapati item 10 adalah item yang memperoleh nilai min paling tinggi iaitu 3.97. Manakala nilai min terendah adalah pada item 5 dengan min 1.81. Min keseluruhan adalah 3.33 iaitu berada di tahap

sederhana. Ini menunjukkan secara keseluruhannya penerapan pensyarah terhadap kepercayaan kepada Tuhan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut persepsi pelajar tahun akhir adalah berada di tahap sederhana. Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa terdapat usaha di kalangan segelintir pensyarah untuk menggunakan pendekatan holistik dengan menerapkan bukti kewujudan Tuhan melalui proses pendidikan ilmu intelektual dalam bidang pendidikan teknikal dan kejuruteraan.

**Jadual 2** Persepsi responden terhadap penerapan kepercayaan kepada Tuhan oleh pensyarah

Bil	Item	Min	Tahap
1.	Pensyarah mengaitkan isi kandungan pelajaran teknikal untuk membuktikan kewujudan Tuhan.	2.85	Sederhana
2.	Pensyarah menjadikan kejadian alam sebagai bukti kewujudan Tuhan.	3.26	Sederhana
3.	Pensyarah menyedarkan saya bahawa teknologi yang saya pelajari adalah hasil daripada pemerhatian manusia terhadap objek ciptaan Tuhan.	3.70	Tinggi
4.	Pensyarah menyedarkan saya bahawa kemahiran dan pengetahuan yang saya perolehi tidak sempurna walaupun telah tamat pengajaran dengan cemerlang.	2.88	Sederhana
5.	Pensyarah menyedarkan, sebagai guru teknikal saya perlu menguasai kemahiran dan pengetahuan dengan sempurna sebelum keluar mengajar.(Item negatif)	1.81	Rendah
7.	Pensyarah menyedarkan walau sehebat mana pun teknologi ciptaan manusia, ia tetap tidak setanding teknologi ciptaan Tuhan.	3.92	Tinggi
8.	Pensyarah menyedarkan sebagai guru teknikal saya perlu yakin terhadap kuasa Tuhan sebagai Pencipta.	3.90	Tinggi
9.	Pensyarah menyedarkan saya tentang sumber setiap ilmu pengetahuan adalah dari Tuhan.	3.88	Tinggi
10.	Pensyarah menyedarkan bahawa setiap makhluk ciptaan Tuhan tidak diciptakan dengan sia-sia.	3.97	Tinggi
11.	Pensyarah mengingatkan tugas sebenar seorang guru teknikal adalah mendidik pelajarnya menyakini kewujudan Tuhan melalui subjek teknikal.	2.96	Sederhana
12.	Pensyarah menyedarkan erti berserah kepada Tuhan ialah memohon petunjuk daripadaNya untuk menyelesaikan tugas yang diberi.	2.97	Sederhana
<b>Min Penerapan Kepercayaan Kepada Tuhan</b>		<b>3.33</b>	<b>Sederhana</b>

## ■6.0 PERBINCANGAN

Kepercayaan kepada Tuhan merupakan asas kepada kebahagian dan ketenangan manusia. Dapatkan kajian mendapati wujudnya penerapan kepercayaan kepada Tuhan oleh pensyarah di IPTA terbabit di tahap sederhana. Walaupun ia di tahap sederhana, namun ini membuktikan terdapat penerapan kepercayaan kepada Tuhan di kalangan pensyarah di IPTA dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bagi melahirkan manusia intelek dan sihat dari sudut mental, fizikal dan sahsiah, salah satu tanggungjawab manusia terhadap agama iaitu percaya adanya Allah S.W.T. sebagai Pencipta perlu di didik (Hasan Langgulung, 1983). Bahkan proses pendidikan itu tidak dikatakan mendidik selagi ia tidak mengajar manusia mengenal Tuhan. Maka, pendidikan seharusnya menekankan elemen ini dalam memastikan masyarakat yang dilahirkan adalah masyarakat yang tidak lupa diri, alpa dan leka terhadap usia kehidupannya.

Pendidikan yang cuba untuk memisahkan atau menidakkannya kewujudan Tuhan sebenarnya telah mendedahkan manusia untuk terperangkap dengan pelbagai kuasa lain atau bertuhan kepada tuhan-tuhan sementara yang lain seperti pangkat, wang, dan kekuasaan yang bersifat sementara. Dalam erti kata lain, pendidikan sebegini akan gagal melahirkan manusia yang berkualiti tinggi, berprinsip, berpegang teguh kepada kebenaran (kepercayaan dan keyakinan yang Tinggi kepada kuasa yang Maha Pencipta) sehingga mampu bertanggungjawab sebagai pemimpin perubahan dan membangunkan proses ketamadunan negara bangsa.

Sekiranya matlamat atau misi kehidupan serta pendidikan di letakkan kepada matlamat material seperti untuk memenuhi kehendak industri dan kepentingan ekonomi yang sentiasa berubah-ubah, maka akan sukarlah kestabilan sesuatu sistem

dicapai. Natijahnya manusia yang lahir daripada sistem pendidikan sebegini kurang memiliki jati diri dan sukar pula untuk membina kestabilan, keharmonian dan kebahagiaan dalam menempuh cabaran kehidupan bila masuki dunia kerjaya. Keperluan terhadap material perlu berpandukan kepada matlamat universal iaitu mengakui kewujudan Tuhan yang merupakan hakikat kebenaran kewujudan yang hakiki dan tidak akan berubah. Keyakinan kepada hakikat kebenaran ini akan menumbuhkan rasa cinta yang sejati kepada Yang Maha Pencipta dan keinginan yang tinggi untuk mematuhi perintahNya. Allah S.W.T. telah memerintah manusia untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai khalifah, membawa misi keadilan dan tidak melakukan kerosakan di muka bumi (Abdul Rahman, 2003). Manusia yang berprinsip akan memiliki tapisan diri yang mantap untuk menentukan mana yang betul dan mana yang salah pasti akan mampu memimpin dan membawa perubahan secara adil. Inilah yang memiliki kesejahteraan diri dan perlu dilahirkan melalui sistem pendidikan negara.

Penciptaan manusia dan setiap makhluk di alam semesta mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Setiap manusia dilahirkan dengan potensi intelek dan kemahiran yang berbeza-beza sehingga membolehkan mereka hidup saling melengkapi. Penciptaan alam, manusia, tumbuhan dan haiwan juga bertujuan melengkapi kitaran simbiosis kehidupan. Setiap satunya diciptakan semata-mata untuk beribadah kepada Allah S.W.T. iaitu mematuhi perintah Tuhan dalam kitaran kehidupan yang saling berhubung dan bergantungan secara adil bagi menjaga keseimbangan alam seperti firmanNya dalam Al-Quran:

“dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan mereka menyembah dan beribadah kepadaKu”

(Adz-Dzaariyat:56)

Namun, manusia adalah satu penciptaan yang diberikan kebebasan memilih dan membuat keputusan sama ada mahu mempercayaai kewujudan Tuhan dan mematuhi perintahNya atau tidak. Oleh itu manusia memerlukan pendidikan untuk mengembalikan kesedaran diri terhadap tujuan penciptaanya (siapa dirinya) yang telah dipertanggungjawabkan sebagai Khalifah atau pemimpin perubahan untuk menjaga keseimbangan kitaran simbiosis kehidupan ini daripada mengalami kerosakan. Maka, perubahan keatas segala sistem kehidupan perlu dilakukan oleh manusia bersandarkan kesedaran diri untuk mematuhi perintah Tuhan iaitu tidak mendatangkan kerosakan dan kemusnahaan di muka bumi.

Walaubagaimanapun, menurut satu pengakuan yang dibuat oleh pakar-pakar psikologi barat MacKenzie, Wadfield dan Jung dalam Abd. Rahman (2005) semakin jauh manusia lari dari konsep ketuhanan, semakin tersepit jiwa mereka dengan kuasa cinta terhadap keduniaan sehingga kadangkala timbul rasa takut dan tertekan. Mereka bersepundapat menyatakan bahawa kebanyakkan manusia yang mengalami tekanan jiwa adalah terdiri daripada mereka yang menolak kewujudan Tuhan.

Penerapan kesempurnaan ilmu hanya milik Allah juga adalah sangat penting agar tiada pelajar yang angkuh dan merasa cukup hebat. Faktor yang menyumbang kepada nilai min bertahap rendah ini mungkin berpunca dari bimbingan pensyarah yang kurang memberi kesedaran kepada pelajar mengenai konsep kesempurnaan ilmu yang layak bagi seorang manusia.

Secara amnya, tiada seorang manusiapun yang dapat menguasai sesuatu ilmu dengan sempurna. Walaupun telah memiliki pentauliahan pakar dalam sesuatu bidang, Namun sekiranya mereka terus menyelidik, mereka pasti menemui sesuatu penjelasan yang sebelum ini mungkin belum diketahui atau belum jelas. Kesempurnaan ilmu yang layak bagi seorang manusia mempunyai batasan tertentu. Batasan kesempurnaan tersebut disenaraikan oleh Ibn Sina dalam Seyyed Hossein Nasr (1985) iaitu batasan rasa perlu mencari ilmu, batasan perkembangan mental, batasan kawalan diri, batasan memurnikan jiwa dan batasan mencari keredhaan Allah SWT. Oleh itu, untuk memperkuuhkan lagi proses pembangunan spiritual pelajar, konsep ini amat perlu difahami oleh pensyarah agar mereka dapat menerapkan elemen ini dalam diri pelajar.

Secara keseluruhannya, oleh kerana nilai min penerapan kepercayaan kepada Tuhan oleh pensyarah di IPTA berkenaan adalah di tahap sederhana, mereka perlu mempertingkatkan penerapan elemen ketuhanan dalam proses pengajaran. Pensyarah juga perlu berfikiran terbuka dan mengambil inisiatif seperti memperluaskan pembacaan dan kefahaman mengenai pendekatan holistik atau proses penyatuan ilmu intelektual dengan ilmu wahyu yang bertujuan membuktikan kewujudan dan kebesaran Tuhan. Disamping itu, pensyarah tersebut perlu berani mencuba pendekatan pengajaran ini yang akan

memperkuuhkan kepercayaan pelajar kepada Allah SWT. Kenyataan ini disokong oleh Hasan Langgulung (2003) yang menyatakan adalah menjadi tanggungjawab pendidik untuk membantu pelajarnya mengenal Tuhan mereka. Amanah ini juga merupakan kewajipan setiap manusia yang bergelar pendidik.

## Rujukan

- \_\_\_\_\_. 2006. *Al-Quran Tajwid & Terjemah: Musraf Ar-Rusydi*. Jakarta: Cahaya Qur'an.
- Abd Halim El-Muhammady. 1986. *Peranan Guru Dalam Pendidikan Islam*. Pendidikan Islam. 1(1): 1–8.
- Abd Rahman Abd Majeed. 2005. *Penawar Gelisah & Murung*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Abdul Ghani Azmi. 2002. *Himpunan Hadith-Hadith Shahih*. Jilid Tiga. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdul Rahman Abdullah. 2003. *Menjadi Intelektual*. Bentong: PTS Publications & Distribution Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan. 2007. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ghazali Basri. 1986. *Pendidikan Islam: Cabaran Perlaksanaannya Dan Peranan Guru*. Pendidikan Islam. 1(1): 29–38.
- Hasan Langgulung. 1983. *Psikologi dan Keshihatan Mental Di Sekolah-Sekolah Selangor*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasan Langgulung. 2003. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Penerbit Pustaka Husna Baru.
- Love, P. dan Talbot, D. 1999. *Defining Spiritual Development: A Missing Consideration For Student Affairs*. NASPA Journal. 37(1):361–375.
- Mohammad Ali Shomali. 2000. *Mengenal Diri: Tuntutan Islam Dalam Memahami Jiwa, Watak Dan Kepribadian Anda*. Jakarta: Penerbit Lanterna.
- Mohd Johari Ab. Hamid. 2007. *Falsafah dan Kritikan Seni*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. 2003. *Rekacipta Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Musa Nantrak. 1987. *Kearah Pembinaan Kurikulum Pendidikan Sepadu*. Jurnal Pendidikan Islam. 1(2): 57–72.
- Rohana Hamzah. 2009a. *Development And Evaluation Of The Holistic Self Development Modules: A Study Among Arts And Design Students*. Universiti Teknologi Mara. Shah Alam: Tesis Doktor Falsafah.
- Rohana Hamzah. 2010. *Mengenali Manusia Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Seyyed Hossein Nasr. 1985. *The Islamic Philosophers' Views On Education*. Muslim Education Quarterly. 2(4): 5–16.
- Shaik Abdul Mabud. 2001. *Science and Spiritual Quest*. Muslim Education Quarterly. 18(2):1–3.
- Syed Ali Ashraf. 1997. *What Sort of Students An Islamized University Education Ought To Produce*. Muslim Education Quarterly. 14(2): 1–4.
- Yahya Jusoh dan Ahar Muhammad. 2007. *Pendidikan Sains dan Al-quran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Zawawi Ahmad. 1988. *Teras dan Falsafah Pendidikan Islam*. Jurnal Pendidikan Islam. 2(8): 1–10.